

BENTUK HUBUNGAN INTERPERSONAL GOLONGAN 'PENGKID' DI MALAYSIA

Zhooriyati, S. M.

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Penang, Malaysia
Email: yati_2386@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini berfokus kepada golongan '*Pengkid*'. Ia merupakan satu istilah atau bahasa slanga yang digunakan di Malaysia yang secara umumnya ditujukan kepada lesbian dari kategori *butch*. Mereka merupakan kumpulan individu yang mengamalkan pilihan orientasi seksual yang bukan tradisional, iaitu tertarik secara seksual kepada wanita asli. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui bentuk hubungan interpersonal golongan minoriti ini. Untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan menyeluruh, temubual semi struktur dijalankan terhadap 25 orang peserta pengkid dari Pulau Pinang, Kuala Lumpur, dan Selangor. Pelbagai teknik telah digunakan untuk mendapatkan peserta kajian ini termasuk melalui laman rasmi Pengkid Malaysia dan *snowball*. Hasil penelitian kajian ini mendapati golongan pengkid mempunyai bentuk hubungan interpersonal yang luas dan pelbagai serta menerima pelbagai bentuk sokongan sosial yang berbeza dari hubungan tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa golongan pengkid diterima dan mempunyai kualiti hubungan yang baik dengan individu-individu yang mengenali dan mengetahui pilihan orientasi seksual mereka. Teman rapat dan teman istimewa merupakan individu utama yang memberikan hampir kesemua bentuk sokongan kepada golongan ini. Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan bentuk hubungan interpersonal yang lain turut memberikan sokongan sosial yang diperlukan oleh golongan ini dalam kualiti dan kuantiti yang lebih rendah berbanding sokongan yang diterima daripada dua bentuk hubungan itu. Sekaligus ia menjadikan kedua-dua individu ini sebagai individu terpenting kepada mereka. Kajian menyokong kewujudan teori hubungan interpersonal yang lebih universal dan mencadangkan kepentingan untuk sesetengah ahli dalam rangkaian sosial golongan pengkid agar memberi sokongan yang lebih menyeluruh kepada mereka

Kata kunci: pengkid, lesbian, hubungan interpersonal, hubungan sosial

*Penulis merupakan pelajar PhD dalam bidang Psikologi di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Kajian ini merupakan salah satu sub-topik dari tajuk utama penulis bagi tujuan ijazah sarjana.